

**TEKS UCAPAN TUAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS TELEPLAN FUN WALK DAN SENAMROBIK BERSAMA MPSP  
16 MAC 2013  
TELEPLAN**

.....

**Terima kasih Pengacara Majlis**

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud  
Tuan Setiausaha Perbandaran, MPSP

Yang Bahagia Encik Ravi Shattan  
Pengurus Besar Teleplan Penang.

Rakan-rakan media

Pegawai-pegawai dari sekolah dan kerajaan

Para jemputan dan yang dihormati sekalian

.....

Salam Sejahtera, Selamat Pagi dan Selamat datang ke Teleplan Fun Walk dan Senamrobik bersama MPSP

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Teleplan Techonology Services Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk bersama-sama dengan Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B. Tuan

Lim Guan Eng untuk merasmikan Majlis Teleplan Fun Walk anjuran bersama di antara MPSP dengan Teleplan pada hari ini. Saya bersyukur dan berasa amat gembira kerana dapat berhimpun bersama para hadirin untuk menjayakan majlis ini.

Syabas kepada jawatankuasa anjuran Teleplan dan MPSP kerana berjaya menganjurkan majlis ini dengan meriah sekali. Kejayaan ini adalah hasil komitmen yang tinggi dari jawatankuasa dari kedua-dua pihak.

Sebelum ini, saya bertemu dan bermesyuarat dengan jawatankuasa Teleplan berkenaan dengan hasrat Teleplan untuk menganjurkan majlis ini. Saya difahamkan bahawa majlis ini bukan sahaja untuk warga Teleplan malah untuk kilang-kilang di kawasan Perai, pihak sekolah dan jabatan kerajaan lain juga dijemput. Ini menunjukkan komitmen Teleplan untuk mengembangkan kesedaran tanggungjawab Sosial Korporat kepada seluruh kawasan Perindustrian Perai.

Hasrat Teleplan adalah besar, maka saya mengarahkan jawatankuasa saya turut serta dengan jawatankuasa Teleplan untuk menjayakan majlis ini. Dan hasilnya adalah apa yang anda lihat pada pagi ini, di mana lebih dari 20 kilang, sekolah, jabatan kerajaan dan ramai individu luar yang turut serta dalam majlis ini. Saya ucapkan syabas kepada jawatankuasa yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini.

Pada bulan Jun 2012, saya bersama-sama YB Tuan Phee Boon Poh telah datang ke sini untuk Majlis Pelancaran Tanggung Jawab Sosial Teleplan (CSR). Kenangan manis itu masih dalam ingatan saya.

Saya rasa bangga dan terharu dengan usaha dedikasi Teleplan yang tidak terhenti dengan pelancaran CSR sahaja, malah usaha diteruskan dengan

majlis hari ini yang membuktikan Teleplan bersama dengan kerajaan Pulau Pinang yang membawa motto '*Greener, Cleaner, Safer and Healthier Penang*'.

Usaha seperti inilah yang diharapkan oleh MPSP. Hasrat MPSP ialah semua pihak swasta seperti kilang-kilang di kawasan Perindustrian Perai ini bersama MPSP untuk mewujudkan persekitaran yang sihat, bersih dan selamat. Maka, usaha Teleplan akan menjadi kesedaran dan teladan kepada semua kilang. Sudah tentu hasrat MPSP akan tercapai dengan lebih teratur, cepat dan tepat jika kilang-kilang mengambil contoh dari Teleplan ini.

Saya difahamkan oleh jawatankuasa Teleplan bahawa selepas Pelancaran CSR pada bulan Jun 2012 lalu, Teleplan terus aktif dengan program-program dalaman seperti mengutamakan 4 R – *Rethink, Reduce, Reuse and Recycle*, pelarangan terhadap botol plastik, pengurangan penggunaan bag plastik dan berbagai program kitar semula. Selain dari itu, Teleplan juga aktif dalam program luaran seperti bantuan kepada persatuan anak-anak yatim, bersama dengan mereka dalam majlis berbuka puasa dan merayakan hari kebesaran mereka. Ini membuktikan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Teleplan bukan hanya dalam ucapan atau dalam polisi mereka, malah dibuktikan dengan program-program seperti di atas. Melihat pada usaha positif, komitmen dan semangat untuk mendokong usaha Kerajaan Negeri, saya percaya Teleplan boleh menjadi "CSR Leader" atau Pemimpin CSR untuk syarikat-syarikat swasta di kawasan Seberang Perai. MPSP juga bekerjasama dengan 23 industri seperti Continental Automotive Components Malaysia Sdn Bhd , Canon Electronics (Malaysia) Sdn Bhd, Chee Wah Corporation Berhad, Daxon Technology Sdn Bhd, Shan Poornam Metals Sdn Bhd, Preference Megacycle Sdn Bhd, Dell Asia Pacific Sdn Bhd, Tai Shan Life Science Sdn Bhd, Gaban Spice Manufacturing (M) Sdn Bhd, Guppy Plastic Industries Sdn Bhd, Return 2 Green Sdn Bhd, Sony EMCS (Malaysia) Sdn

Bhd, Southern Steel Berhad, Chop Tong Guan Sdn Bhd, Sustainable Biofuels Malaysia Sdn Bhd, Nippon Biodiesel Fuel Co. Ltd, Aident Corporation, Alpha Industries Sdn Bhd, TES-AMM (Malaysia) Sdn Bhd, Nibong Tebal Paper Mill Sdn Bhd, Teleplan, Honeywell Aerospace Avionics (M) Sdn Bhd, Flextronics Technology (Penang) Sdn Bhd dalam program Cleaner, Greener, Safer and Healthier Seberang Perai dan juga program 4R (*Rethink, Reduce, Reuse and Recycle*).

MPSP masih mempunyai lokasi-lokasi yang belum mempunyai tajaan untuk projek CSR seperti di :

- 1 Pintu Masuk Bumbung Lima, SPU
- 2 Pintu Masuk Kg. Selamat, SPU
- 3 Pintu Masuk Ara Kuda, SPU
- 4 Bandar Butterworth, SPU
- 5 Jalan Bagan Luar, SPU
- 6 Taman Robina, Teluk Air Tawar SPU
- 7 Taman Rekreasi Padang Cempedak SPU
- 8 Bulatan Perusahaan Perai, SPT
- 9 Bulatan Seberang Jaya, SPT
- 10 Bulatan Bukit Minyak A, SPT
- 11 Pintu Masuk Machang Bubuk, SPT
- 12 Jalan Baru Perai, SPT
- 13 Taman Bandar Ampang Jajar, SPT
- 14 Taman Semilang, Seberang Jaya, SPT
- 15 Taman Rimba Cherok To' Kun, SPT
- 16 Empangan Tasek Mengkuang, SPT
- 17 Pintu Masuk Permatang Keling, SPS
- 18 Pintu Masuk Taman Sempadan, SPS
- 19 Pintu Masuk Sg. Hilir Kecil / Jln Kg. Besar, SPS
- 20 Pintu Masuk Jalan Relau, SPS

- 21 Pintu Masuk Jalan Tasek / Junjung, SPS
- 22 Taman Negeri Bukit Panchor, SPS
- 23 Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, SPS
- 24 Taman Rekreasi Sungai Sanglang, SPS

Oleh itu, saya berbesar hati untuk mengundang kilang-kilang yang ada di sini untuk mengambil mana-mana lokasi yang disebutkan sebentar tadi untuk dijadikan Projek CSR. Ini dapat membantu untuk menghidu dan mengindahkan Seberang Perai lagi dan seterusnya menarik lebih ramai pelabur untuk membuat pelaburan di Seberang Perai. Perkara ini juga adalah selaras dengan visi MPSP untuk menjadikan Seberang perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan kepada pelaburan.

MPSP juga mengalu-alukan program-program berbentuk kesedaran dan pendidikan bersama dengan pihak industri kerana pihak industri mempunyai ramai pekerja. Program-program berbentuk kesedaran seperti Anugerah Sekolah Hijau telah diadakan sejak tahun 2010 dimana pada tahun 2012, sebanyak 53 sekolah telah mengambil bahagian dan bagi tahun 2013, sebanyak 78 sekolah akan mengambil bahagian dalam anugerah sekolah hijau.

Sejak MPSP mula menjalankan program kesedaran dan pendidikan, kadar kitar semula untuk tahun 2008 adalah 21.97% dan ia telah meningkat kepada 23.55% pada tahun 2009. Pada tahun 2010, kadar kitar semula yang dicatatkan oleh MPSP adalah sebanyak 23.3%. Menjelang tahun 2011 dan tahun 2012, dengan pelbagai kempen kesedaran dan program-program hijau yang dijalankan, masyarakat Seberang Perai sudah pandai menjalankan kitar semula, Kadar kitar semula bagi tahun 2011 adalah sebanyak 26.48% dan meningkat kepada 29.77 % pada tahun 2012. Untuk tahun 2013, MPSP menetapkan sasaran untuk mengurangkan 5% penjanaan jumlah sampah.

Oleh itu, diharapkan semua masyarakat Seberang Perai boleh bersama-sama dengan MPSP untuk menjalankan pengasingan sisa dan seterusnya mengurangkan penjanaaan sampah.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, mulai 1 Januari 2013, larangan penggunaan dan penjualan polisterina telah dikuatkuasakan di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, diharapkan pengusaha kantin-kantin di kilang di kawasan perindustrian Perai dan juga sekolah tidak lagi menggunakan polisterina. Ini kerana polisterina seperti yang kita semua ketahui, merupakan sisa yang mengambil masa beratus tahun diuraikan.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua yang hadir pada pagi ini untuk bersama-sama dengan MPSP dalam memastikan Seberang Perai bersih, indah dan selamat didiami.

Sekian terima kasih.